

<b>TAJUK &amp; KOD KURSUS</b>	<b>Kursus Pembelajaran Aktif Menerusi Microsoft Power Point</b>
<b>KATEGORI</b>	<b>Kursus Pembangunan Profesional</b>
<b>SINOPSIS</b>	
<p>Persembahan yang bermutu atau kaedah komunikasi yang menarik menerusi penggunaan media elektronik adalah sangat diperlukan bagi mana-mana organisasi atau individu yang bertugas seperti di bidang akademik, penyampaian maklumat, perhubungan atau pengendalian latihan atau projek. Buat masa ini terdapat banyak perisian persembahan elektronik yang lengkap boleh diperoleh di pasaran bagi memenuhi keperluan tersebut. Kebanyakannya menyediakan pelbagai kemudahan dan alatan yang membolehkan satu persembahan elektronik yang menarik dan berkualiti dihasilkan dalam masa yang singkat. Namun demikian tidak ramai yang memanfaatkan sepenuhnya kemudahan atau alatan yang disediakan oleh perisian tersebut. Kursus ini merupakan kursus lanjutan yang akan membimbing peserta mengoptimumkan penggunaan perisian persembahan elektronik iaitu Microsoft Power Point agar ia boleh dimanfaatkan terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih aktif dan interaktif.</p>	
<b>HASIL PEMBELAJARAN</b>	<b>KANDUNGAN KURSUS</b>
<p>Diakhiri kursus ini peserta berupaya:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjelaskan ciri-ciri serta kemudahan yang disediakan dalam sesebuah perisian persembahan elektronik.</li> <li>2. Merekabentuk dan membangunkan persembahan pengajaran menggunakan perisian persembahan elektronik (Microsoft Power Point).</li> <li>3. Merekabentuk dan membangunkan persembahan pengajaran elektronik yang interaktif serta menggalakkan proses pembelajaran aktif.</li> <li>4. Menguruskan fail persembahan bagi tujuan cetakan, sebaran menerusi web dan juga aplikasi kendiri.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Konsep asas perisian persembahan elektronik.</li> <li>2. Reka bentuk persembahan elektronik bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.</li> <li>3. Mengintegrasikan pelbagai elemen multimedia dalam persembahan pengajaran.</li> <li>4. Konsep Interaktiviti dalam persembahan.</li> <li>5. Merancang aktiviti pembelajaran aktif dalam persembahan pengajaran</li> <li>6. Menyimpan dan menyebarkan fail persembahan kepada umum.</li> </ol>
<b>KAEDAH PEMBELAJARAN</b>	
Ceramah, Bengkel, Perbincangan, Pembentangan Projek.	

PENCERAMAH / FASILITATOR	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PM Dr. Jamalludin bin Harun (CTL)</li> <li>2. PM Dr. Zaidatun Tasir (FP)</li> <li>3. Dr. Noraffandy Yahaya (FP)</li> <li>4. En. Megat Aman Zahiri Megat Zakaria (FP)</li> </ol>
KUMPULAN SASARAN	Semua staf akademik yang mempunyai kemahiran asas menggunakan komputer dan berminat dengan penggunaan teknologi dalam P&P
BILANGAN PESERTA	20 orang
KEKERAPAN SETAHUN	2 kali setahun
TEMPOH / TARIKH	1 hari (10 Mac, 29 Sept)